

Banjir terburuk



● Banjir yang melanda Perlis dan Kedah kali ini disifatkan paling buruk berbanding Disember 2005.

● Sebanyak 14.6 juta padu air dilepaskan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Perlis dari Empangan Timah Tasoh selepas melebihi paras bahaya.

● Lebih 35,000 mangsa telah dipindahkan ke pusat penempatan sementara termasuk 25,000 orang di Kedah manakala bandar Kangar lumpuh sepenuhnya.

● Dua beradik perempuan di Kedah dan seorang remaja lelaki di Perlis dikhuatiri menjadi korban terbaru menjadikan lima orang setakat ini.

● Lebih 750,000 pengguna di Kota Setar, Pokok Sena dan Pendang, Kedah terputus bekalan air paip sejak semalam.

● Mangsa banjir bimbang dengan bekalan makanan yang kian berkurangan.

● Di Kelantan, mangsa banjir dipindahkan di Rantau Panjang semalam bertambah 452 orang.

Berita penuh di muka 3

TERPUTUS HUBUNGAN

BANJIR besar yang melanda Kedah dan Perlis mencatat sejarah terburuk apabila seluruh bandar Kangar lumpuh ditenggelami air (atas) manakala Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim di Kepala Batas, Alor Setar (bawah) ditutup akibat bencana itu, semalam.

- UTUSAN/ FAIZAL ABU HASSAN & HALIM KHALID



Lapangan Terbang Alor Setar ditutup kepada semua penerbangan

PETALING JAYA 3 Nov. – Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim di Alor Setar, Kedah akan ditutup sehingga esok kepada semua penerbangan, kecuali perkhidmatan helikopter, kata Menteri Pengangkutan Datuk Seri Kong Cho Ha.

Beliau berkata hujan lebat sejak beberapa hari lepas terutamanya di wilayah utara Semenanjung Malaysia mengakibatkan banjir melanda ka-

wasan berkenaan dan memaksa penutupan lapangan terbang itu sejak semalam.

“Kami ingin memohon maaf disebabkan keadaan yang tidak dijangka ini berikutan keadaan cuaca,” katanya kepada pemberita selepas menghadiri pameran perkongsian Malaysia Airlines (MAS) bersama syarikat dari Amerika Syarikat yang beroperasi di Malaysia di Terminal

Skypark, Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang, di sini hari ini.

Lapangan terbang itu mengendalikan penerbangan MAS dari Alor Setar ke Kuala Lumpur tiga kali sehari; penerbangan AirAsia dari Alor Setar ke Kuala Lumpur (dua kali); dan FireFly dari Alor Setar ke Subang (dua kali).

Lapangan terbang itu terletak 12

kilometer dari Alor Setar dan dapat mengendalikan sehingga 800,000 penumpang setiap tahun.

Cho Ha berkata lapangan lain seperti Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi, Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra di Kota Bharu dan Lapangan Terbang Sultan Mahmud di Kuala Terengganu masih beroperasi seperti biasa.

Pengarah Urusan dan Ketua Pe-

gawai Eksekutif Malaysia Airlines Tengku Datuk Azmil Zahrudin berkata pelanggan syarikat penerbangan negara yang telah menempah tiket penerbangan ke Alor Setar dan tidak dapat menaiki penerbangan disebabkan penutupan lapangan terbang dibenarkan menjadualkan semula penerbangan atau memilih destinasi paling hampir.

—BERNAMA

● Perlis, Kedah pindahkan 35,000 mangsa ● Catat lima angka korban

Banjir terburuk sejak 2005

Oleh ZAINU'L AZHAR ASH'ARI,
RAHANA MOHD: DAHARI, MARZITA
ABDULLAH, SITI AIRUNNISA ALAUI
pengrang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 3 Nov. – Banjir yang melanda Perlis dan Kedah kali ini disifatkan paling buruk berbanding apa yang berlaku pada Disember 2005 dengan lebih 35,000 mangsa telah dipindahkan ke pusat penempatan sementara setakat ini.

Dua kanak-kanak perempuan, Siti Nadia Shukor, 13, dan adiknya, Sharifah yang berusia lapan tahun dikhuatiri lemas di Kota Setar, Kedah manakala seorang remaja, Muhammad Nurul Afiq Mohd. Rozaidi, 21, pula masih hilang selepas terjatuh ke dalam Sungai Baru, Simpang Empat, Kangar, Perlis.

Setakat malam ini, jumlah kematian yang dicatatkan termasuk korban terbaru ekoran banjir adalah lima orang.

DI KEDAH, lebih 25,000 penduduk daripada 6,415 keluarga di empat daerah telah dipindahkan ke pusat-pusat penempatan berikutan keadaan banjir semakin teruk sejak dua hari lepas.

Mereka yang terlibat adalah dari Kubang Pasu iaitu 15,613 mangsa, Padang Terap (3,105) Kota Setar (5,331) dan Pokok Sena (1,039).

Jurucakap Bilik Gerakan Majlis Keselamatan Negara (MKN) berkata, sebanyak 94 pusat penempatan mangsa banjir dibuka di keempat-empat daerah itu.

Bagaimanapun, seramai 803 mangsa di Padang Terap telah dibenarkan pulang ke rumah masing-masing kira-kira pukul 1 tengah hari ini.

Banjir di beberapa daerah di negeri ini juga bukan sahaja meresahkan mangsa terlibat malah penduduk di tempat lain khususnya di kawasan berhampiran.

Mereka sudah mula merasa kesannya apabila mengalami ketiadaan bekalan air paip sejak semalam.

Ia melibatkan lebih 750,000 pengguna dari seluruh Kota Setar, Pokok Sena dan sebahagian di Pendang berikutan pemberhentian operasi Loji Bukit Pinang sejak semalam akibat ditenggelami air.

Pemberhentian operasi Loji Bukit Pinang bukan sahaja disebabkan ia ditenggelami air malah bacaan NTU



SELURUH bandar Kangar dilanda banjir pada hari ketiga. Gambar ini dirakam dari bangunan KWSP di Kangar, semalam.

(Nephe lometric Turbidity Unit) atau sukatan kekeruhan air sudah terlalu tinggi.

Dalam pada itu, Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim di Alor Setar ditutup sehingga esok kepada semua penerbangan kecuali perkhidmatan helikopter.

DI PERLIS, jumlah pemindahan mangsa kini menjangkau 10,383 orang berbanding kira-kira 8,000 mangsa ketika negeri ini dilanda banjir pada 2005.

Bandar Kangar lumpuh sepenuhnya berikutan paras air banjir yang semakin meningkat sehingga menyebabkan jalan-jalan utama ditutup untuk kenderaan ringan.

Mangsa banjir kini mulai bimbang

dengan bekalan makanan yang berkurangan apabila banyak kedai di sekitar bandar berkenaan menutup operasi.

Sebanyak 14.6 juta padu air dilepaskan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri dari Empangan Timah Tasoh sejak Isnin lalu ekoran air yang melebihi paras bahaya.

Sementara itu, perkhidmatan tren antara bandar bagi laluan Arau-Tanjung pada hari ini dan esok dibatalkan.

Menurut satu kenyataan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) hari ini, perkhidmatan tren yang dibatalkan adalah Ekspres Antarabangsa (Bangkok-Butterworth-Bangkok) dan Ekspres Senandung Langkawi (Ha-

tyai-Kuala Lumpur).

DI KELANTAN pula, mangsa banjir yang dipindahkan di Rantau Panjang bertambah kepada 452 orang berikutan limpahan air Sungai Golok dan mereka ditempatkan di dua lokasi pemindahan sementara iaitu di SK Gual Tinggi dan stesen kereta api lama di situ.

Paras air Sungai Golok kini melepasi paras bahaya dengan bacaan 10.14 meter.

Pengarah Pelajaran Negeri, Hussin Awang memberitahu, empat lagi sekolah ditutup hari ini menjadikan jumlah keseluruhan 13 buah sejak semalam.

Sekolah yang ditutup termasuk Sekolah Kebangsaan (SK) Gual Sitok

dan SK Kok Pau di Rantau Panjang selain SK Bakong di Pasir Mas dan SK Bendang Pak Yong di Tumpat.

DI TERENGGANU, banjir kilat yang melanda negeri ini surut sepenuhnya hari ini ekoran cuaca cerah sejak dua hari lalu.

Bagaimanapun sembilan mangsa daripada lima keluarga yang terdedah ancaman ombak besar di kawasan Kampung Pantai, Kuala Besut masih ditempatkan di pusat pemindahan sementara di Balai Raya Kampung Pantai sejak kelmarin.

Menurut jurucakap Bilik Gerakan MKN, kesemua mereka berpindah ekoran bimbang ombak kuat dan tinggi di beberapa buah pantai yang berdekatan kediaman mereka.

Pengguna dinasihati guna laluan alternatif

KUALA LUMPUR 3 Nov. – Laluan di Lebuh Raya Utara Selatan dari Kilometer 32.6 hingga 35.8 di antara Kepala Batas dan Jitra masih ditutup untuk semua kenderaan berikutan banjir yang melanda kawasan itu sejak petang Sabtu lalu.

PLUS Expressways Berhad (PLUS) dalam satu kenyataan hari ini turut menasihati semua pengguna yang mahu ke utara supaya menggunakan laluan alternatif dengan keluar di Plaza Tol Alor Setar Utara dan menggunakan laluan Persekutuan 7 hingga ke Ayer Hitam seterusnya melalui Jalan Negeri K102 untuk ke Changlun.

Katanya, PLUS juga berharap semua pemandu di kawasan tersebut supaya memandu dengan lebih berhati-hati dan mematuhi semua arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa.

Orang ramai boleh mendapatkan maklumat trafik terkini dengan menghubungi talian bebas tol PLUS-Line di 1-800-88-0000 atau layari laman web www.plus.com.my.

Sementara itu, kejadian banjir besar yang melanda negeri Kedah dan Perlis memaksa perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) Antara Bandar di antara Arau dan Tanjung diberhentikan hari ini dan esok.

Sementara itu, KTMB dalam kenyataannya memberitahu, perkhidmatan kereta api Ekspres Antarabangsa Bangkok-Butterworth-Bangkok dan Ekspres Senandung Langkawi (Hatyai-Kuala Lumpur) turut ditangguhkan sehingga keadaan kembali normal.

Menurut KTMB lagi, penumpang dari Stesen Bukit Mertajam dan mana-mana stesen selepasnya yang menuju ke Kuala Lumpur boleh menaiki kereta api Ekspres Senandung Mutiara yang berlepas pada 11 malam.

Ekspres Senandung Langkawi (Kuala Lumpur-Hatyai) hanya akan meneruskan perjalanan hingga ke Stesen Alor Setar dan penumpang boleh menggunakan pengangkutan alternatif seperti bas dan teksi untuk meneruskan perjalanan ke destinasi mereka.

Mangsa bimbang terputus bekalan

KANGAR 3 Nov. – Bandar Kangar yang kini ditenggelami air lebih dua meter diburukkan lagi dengan hujan lebat pagi ini, menyebabkan mangsa banjir mulai bimbang terputus bekalan makanan.

Menurut jurucakap Jabatan Bomba dan Penyelamat, pihaknya menerima berpuluh-puluh panggilan daripada penduduk di sekitar Kangar yang membuat aduan tentang kekurangan bekalan makanan.

Keadaan ini semakin buruk apabila banyak kedai di sekitar Kangar menutup operasi berikutan paras air yang semakin meningkat.

Sehingga pukul 11 pagi ini kira-kira 8,000 mangsa dari 1,909 keluarga ditempatkan di lebih 40 pusat pemindahan di seluruh negeri ini.

Di Kangar, seramai 5,554 mangsa daripada 1,524 keluarga ditempatkan di 20 pusat pemindahan manakala di Padang Besar pula 1,034 mangsa daripada 270 keluarga kini berada di tujuh pusat pemindahan.

Seramai 926 mangsa dari 115 keluarga di Arau pula ditempatkan di sembilan pusat pemindahan.

Bagaimanapun, seramai 537 mangsa di Padang Besar sudah kembali ke rumah masing-masing termasuk 123 orang dari kawasan Titi Tinggi.

Beberapa buah pusat pemindahan banjir di Padang Besar seperti di Sekolah Kebangsaan (SK) Batu Bertangkup dan SK Guar Nangka telah ditutup.

Sementara itu, Pengarah Universiti



SEKOLAH Kebangsaan Seri Indra, Kangar turut ditutup ekoran banjir melanda bandar Kangar, semalam.

Teknologi Mara (UiTM) Arau, Prof. Dr. Khudzair Ismail memberitahu lebih 8,000 pelajarinya termasuk 1,100 pelajar yang menetap di luar kampus ditempatkan dalam kampus

utama UiTM di bandar itu.

Beliau berkata, bekalan makanan di UiTM sekarang mencukupi untuk tempoh dua hari sahaja manakala bekalan air sudah terputus sejak se-

malam.

“Namun begitu kakitangan UiTM akan berusaha untuk keluar dari kampus bagi mendapatkan bekalan makanan,” ujarnya.

Banjir tidak jejas proses SPM, 21 sekolah di Kedah ditutup

ALOR SETAR 3 Nov. – Banjir yang melanda negeri ini tidak akan menjejaskan proses peperiksaan calon-calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) yang dijadual bermula pada 23 November ini.

Penolong Pengarah Kanan Sektor Penilaian dan Peperiksaan Jabatan Pelajaran Negeri Kedah, Zaini Rafie berkata, meskipun peperiksaan tersebut akan dimulakan kira-kira tiga

minggu lagi, namun pihaknya telah membuat persiapan rapi untuk menghadapi sebarang kemungkinan.

Katanya, berdasarkan kejadian banjir yang berlaku pada masa ini, jabatan itu mengambil langkah awal dengan mengadakan perbincangan dengan semua pihak yang berkaitan termasuk Jabatan Bomba dan Penyelamat dan Jabatan Pertahanan Awam mengenai langkah

menangani masalah yang mungkin timbul.

“Kami telah menyediakan alternatif-alternatif tertentu seperti akan menempatkan calon yang terlibat dengan banjir di pusat peperiksaan masing-masing.

“Kita juga telah mengenal pasti langkah-langkah yang perlu bagi menguruskan masalah jika sekolah-sekolah yang dijadikan pusat pemindahan terlibat dalam peperiksaan

berkenaan,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Dalam pada itu, Zaini memberitahu, sehingga pukul 1 petang ini, sebanyak 21 buah sekolah di tiga daerah di negeri ini ditutup akibat banjir.

Katanya, ia melibatkan 13 buah sekolah di Daerah Kubang Pasu, tujuh (Kota Setar) dan satu di Padang Terap manakala 26 buah sekolah pula dijadikan pusat penempatan.

UMNO

Padang Terap bekal makanan

ALOR SETAR 3 Nov. – UMNO Bahagian Padang Terap hari ini membekalkan bantuan makanan kepada mangsa banjir yang ditempatkan di beberapa pusat penempatan mangsa banjir di daerah itu.

Ketua UMNO Bahagian Padang Terap, Datuk Seri Mahdzir Khalid berkata, setakat ini sebanyak 950 keluarga membabitkan lebih 4,000 orang dari 30 kampung di daerah itu telah dipindahkan ke pusat-pusat penempatan mangsa banjir.

“Kami turut membekalkan selimut dan tikar kepada mangsa banjir,” katanya ketika dihubungi di sini semalam.

– BERNAMA

JKR buka talian bantuan banjir

KUALA LUMPUR 3 Nov. –

Jabatan Kerja Raya (JKR) telah membuka talian

perkhidmatan bantuan

bencana banjir yang

beroperasi 24 jam untuk

memberi maklumat terkini

tentang laluan yang ditutup

ekoran bencana alam yang

melanda Kedah, Perlis,

Kelantan dan Terengganu.

Menurut kenyataan yang

dikeluarkan oleh jabatan itu,

orang ramai yang ingin

mendapatkan maklumat

terkini, boleh menghubungi

Bilik Gerakan Banjir JKR di

talian 03-26967727 atau

melayari laman web

<http://bencanaalam.jkr.gov.my>.

Kenyataan itu juga

menyebut sebanyak 31 batang

Jalan Persekutuan dan 27 jalan

negeri di Kedah telah ditutup

kepada semua kenderaan

ekoran banjir yang bertambah

buruk.

“Di Perlis, tiga batang Jalan

Persekutuan dan 2 jalan negeri

turut ditutup kepada

kenderaan ringan manakala di

Kelantan, dua batang jalan

yang melibatkan Jalan

Persekutuan dan Jalan Negeri

turut ditutup kepada semua

kenderaan ringan.

Air empangan Timah Tasoh di paras bahaya

KANGAR 3 Nov. – Sebanyak

14.6 juta padu air telah

dilepaskan oleh Jabatan

Pengairan dan Saliran (JPS)

daripada Empangan Timah

Tasoh sejak Isnin lalu ekoran

paras air yang melebihi paras

berbahaya.

Pengarah Jabatan Pengairan

Saliran (JPS), Ir. Nishad

Mohamed Mohd. Shaffy

berkata, paras normal air di

empangan itu adalah pada

tahap 29.2 meter bagaimanapun

salah satu daripada pintu airnya

telah ditutup hari ini.

Menurutnya, lima lagi masih

dibuka berikutan paras air kini

berada pada tahap 30 meter.

“Sebanyak 7.3 juta padu air

telah dilepaskan pada hari

Isnin dan 7.3 juta padu air lagi

dilepaskan semalam,” katanya

kepada para pemberita di sini

hari ini.

Menurut beliau, paras air di

empangan tersebut akan

kembali normal jika tiada

hujan di negeri ini dalam

tempoh tiga hari ini.

Air laut pasang burukkan lagi keadaan

KANGAR 3 Nov. – Banjir dijangka terus melanda daerah ini dan Arau sehingga Sabtu ini kerana air dari kawasan hulu Perlis tidak dapat mengalir keluar ke laut kerana bertembung dengan air pasang di Selat Melaka.

Keadaan mungkin menjadi lebih buruk di kedua-dua daerah tersebut sekiranya hujan yang berhenti semalam melanda semula negeri ini.

Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri, Ir. Nishad Mohamed Mohd. Shaffy berkata, berikutan air laut masih pasang, ia menyebabkan seluruh bandar Kangar dilanda banjir sejak semalam sehingga terpaksa ditutup kepada kenderaan ringan.

“Air dari daerah Arau yang datangnya dari hulu Perlis dan kawasan takungan mengalir ke kawasan Tambun Tulang, kemudian ke Simpang Empat dan sepatutnya menuju ke laut di Kuala Perlis,” katanya ketika dihubungi di sini hari ini.